

12 DEC 1997

Asean-Thanat

ASEAN DIINGATKAN WASPADA BAHAYA GLOBALISASI

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Seorang pengasas Asean, Tun Thanat Khoman, hari ini mengingatkan para pemimpin Asean yang akan berkumpul di sini bagi menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi mereka minggu depan mengenai bahaya "sistem feudal baru" yang diwujudkan oleh pemimpin Amerika untuk "menguatkuasakan undang-undang bagi seluruh dunia".

"Ia merupakan satu sistem hegemony baru dunia yang akan mengancam kita sekiranya kita tidak cukup peka dan mempertahankan diri kita," kata Tun Thanat, seorang daripada dua pemimpin yang masih hidup yang menandatangani Deklarasi Bangkok yang membawa kepada penubuhan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (Asean) pada tahun 1967.

Seorang lagi pemimpin ialah bekas Menteri Luar Singapura, S.Rajaratnam.

"Kita perlu berhati-hati dengan globalisasi ini, Wide Web Dunia, Internet, Tehnologi Maklumat... kesemua ini adalah kandungan dan pengajaran dalam sistem dunia sekarang," kata Tun Thanat dalam satu temuramah dengan Bernama di Bangkok baru-baru ini.

Beliau ditemuramah bagi penerbitan sebuah buku bergambar bertajuk "ASEAN: One Region One Vision" yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini Isnin ini sempena ulangtahun ke-30 pertubuhan itu. Buku khas itu akan diterbitkan oleh BERNAMA.

Kenyataan keras Tun Thanat itu dibuat berikutan kenyataan Setiausaha Negara Smerika Madeleine Albright semasa beliau baru memegang jawatan itu bahawa rakyat "Amerika tidak harus malu menggunakan baju besi pucuk pimpinan."

Tun Thanat berkata perkataan utama dalam kenyataan Albright itu iaitu pucuk pimpinan", bermakna mereka (AS) mahu menjadi pemimpin (dunia)".

"Mereka akan menempatkan sistem feudal di 1600 Pennsylvania Avenue di Washington D.C.," katanya sebagai merujuk kepada Rumah Putih.

Tun Thanat, bekas Menteri Luar Thailand, berkata Kongres Amerika akan "meluluskan undang-undang bagi seluruh dunia dan bukan sahaja bagi Amerika Syarikat."

"Dan mereka akan cuba mewujudkan sebuah pertubuhan bernama WASP yang mengangungkan kepimpinan orang kulit putih -- White Anglo-Saxon President," katanya.

Beliau berkata sistem baru itu tidak semestinya serupa dengan sistem kolonial yang lama "tetapi maknanya dan implikasinya adalah berbentuk feudal dan hegemoni."

Mengenai Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), Tun Thanat berkata negara-negara besar seperti Amerika dan Jepun cuba menguasai rantau ini daripada anggota kumpulan serantau itu.

"Kini Jepun telah menandatangani perjanjian bersekutu dengan Amerika. Jadi Jepun akan menjadi tali barut Amerika."

Ketika ditanya mengenai hak asasi manusia, Tun Thanat berkata pihak yang banyak melanggar hak asasi manusia adalah negara-negara penjajah.

Sebaliknya Tun Thanat berkata Amerika juga telah melakukan banyak kebaikan yang wajar diberi pengiktirafan.

"Tetapi sebahagian besar kebaikan yang mereka lakukan itu sebenarnya untuk kepentingan mereka sendiri daripada kepentingan pihak lain. Dan pihak Amerika mempunyai kecenderungan untuk menunjukkan yang mereka berpegang teguh kepada kebaikan akhlak dan hak asasi manusia", katanya.

Mengenai Asean, Tun Thanat berkata antara kelemahannya ia telah mengadakan terlalu banyak mesyuarat yang tidak penting di awal

penubuhannya.

Beliau berkata mesyuarat-mesyuarat yang akan mencapai kejayaan ialah mesyuarat peringkat tinggi yang membabitkan pegawai kanan negara-negara anggota.

"Saya rasa kita boleh capai lebih dari itu, daripada hanya menyerahkan kepada pegawai yang rendah".

Tun Thanat juga menyentuh mengenai pentingnya penggunaan bahasa Inggeris di negara-negara Asean, kemerosotan nilai-nilai kekeluargaan dan persaraan beliau.--BERNAMA

ES oba